

HARI : KHAMIS  
TARIKH : 8/8/2019  
M/SURAT : 10

## Minda Pengarang

### Tutup ruang amalan perniagaan tak adil

**Bukan** lagi kejutan besar apabila Laporan Kajian Pasaran Sektor Makanan dikeluarkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mendedahkan pelbagai kepincangan dalam amalan perniagaan. Ia menjadi punca kenaikan harga bekalan utama rakyat negara ini.

Penggunaan kartel yang mengaut untung terlalu tinggi contohnya dalam pasaran ikan, pernah dilaporkan BH sebelum ini. Begitu juga pelbagai amalan perniagaan tidak adil lain yang jelas meletakkan pengguna dalam kedudukan tersepit. Semua ini harus dihentikan demi mewujudkan suasana lebih mesra dan 'menang-menang' kepada pengguna dan peniaga.

Kita percaya hasil kajian MyCC ini perlu diberikan perhatian serius oleh kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Yang pasti, punca kepincangan sudah disenaraikan dan kini menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengkaji setiap satu daripadanya dan mencari jalan penyelesaian ke atas segala isu dibangkitkan MyCC itu.

Sebagai pengguna, pastinya kita tidak mahu lagi amalan kartel terus-menerus merosakkan rantaian bekalan. Setiap ruang kepada perbuatan antipersaingan yang jelas menekan pengguna dengan rata-ratanya dikuasai warga asing harus ditutup. Mungkin Akta Persaingan 2010 boleh diguna pakai, dengan pindaan hukuman lebih tegas. Begitu juga tindakan salah guna permit kelulusan (AP) serta perbuatan peniaga tempatan yang menjual tapak niaga kepada orang asing demi mengaut untung mudah. Yang pasti, beban ditanggung pengguna hasil amalan perniagaan tidak adil perlu dihentikan.